

**Perpaduan: Kajian mendapati ada 2Malaysia
Malaysiakini.com
July 09, 2010**

Kajian terbaru yang dijalankan oleh Merdeka Centre mendedahkan apa yang sebenarnya bukan lagi rahsia - kumpulan bangsa-bangsa lain di Malaysia tidak sependapat berhubung dasar-dasar kerajaan.

Sebahagian besar orang Melayu didapati menyokong polisi pro-bumiputera manakala kebanyakan masyarakat bukan Melayu pula sangsi dengan konsep 1Malaysia yang dicanangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Dalam kajian itu, sejumlah 2,104 orang Melayu dan bumiputera diminta memilih daripada dua kenyataan yang paling hampir menggambarkan pendapat mereka.

- Melayu/bumiputera memerlukan bantuan agar mereka dapat maju ke depan, jadi program seperti DEB dialu-alukan (72 peratus menyokong kenyataan ini).

- Bantuan seperti DEB tidak menolong Melayu/bumiputera dalam jangka panjang dan membuat mereka lebih bergantung kepada kerajaan (21 peratus).

Majoriti (59 peratus) responden Melayu dan bumiputera percaya sebagai 'bangsa asli negara ini, Melayu dan bumiputera perlu diberikan hak khas dan keistimewaan'.

Pada masa yang sama, hanya 40 peratus responden berhubung soalan yang sama menyokong kenyataan "semua rakyat perlu diberikan hak yang sama di negara ini tanpa mengira latar belakang kaum dan agama".

Soalan berhubung DEB adalah hanya untuk dijawab oleh responden Melayu/bumiputera manakala responden bukan Melayu/bumiputera ditanya senarai soalan lain berhubung 1Malaysia.

Sebahagian besar responden bukan bumiputera tidak yakin dengan kempen 1Malaysia yang ditaja Najib sebagai jambatan untuk menghubungkan pelbagai bangsa di negara ini demi memupuk perpaduan nasional.

Daripada 1,036 bukan bumiputera yang dibanci, 46 peratus yakin 1Malaysia hanya "agenda politik untuk memancing undi bukan Melayu".

Hanya 39 peratus responden bukan bumiputera berpendapat 1Malaysia adalah "usaha ikhlas untuk mentaukan semua bangsa di Malaysia".

Sejumlah 16 peratus responden memilih tidak tahu atau tidak rpson kepada soalan berkenaan.

Kajian ini juga membuktikan bahawa bukan bumiputera masih tidak yakin kerajaan BN yang diterajui Umno bersedia menjalinkan hubungan antara kaum yang lebih erat.

Ia juga mencadangkan bahawa Model Baru Ekonomi (MBE) dan konsep 1Malaysia yang dipelopori najib sukar diterima oleh penduduk pelbagai kaum di negara ini.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/136878>